

Ucapan YB Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk
Hussein Onn, di Upacara Penutup Seminar
Kesusastraan Nusantara Pada 13hb April, 1975

Jam : 4.00 petang

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara sekalian kerana telah menjayakan Seminar Kesusastran Nusantara ini, setelah berbincang dan bertukar-tukar fikiran sesama sendiri selama tiga hari. Saya percaya tentu banyak soal dan masalah penting yang berkaitan dengan Kesusastran Melayu telah timbul dalam Seminar ini. Saya berharap juga soal-soal dan masalah-masalah itu, akan menjadi bahan fikiran yang berguna kepada para sastrawan dan penulis-penulis sastra Melayu di kawasan-kawasan, di mana sastra yang tertulis dalam Bahasa Melayu sedang berkembang.

Saudara-saudara sekalian,

Sastra yang tertulis dalam Bahasa Melayu pada masa sekarang ini, sedang berada dalam suatu zaman yang penuh dengan kemungkinan-kemungkinan baru. Pada masa ini, kesempatan sastra yang tertulis dalam Bahasa Melayu, untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi, setaraf dengan sastra-sastra yang besar di dunia ini, amatlah cemerlang. Kemajuan Bahasa Melayu/sejak Perang Dunia Kedua, terutama sekali sejak negara Malaysia dan Indonesia iaitu dua kawasan Bahasa Melayu yang terbesar di Asia Tenggara ini mencapai kemerdekaan. Bahasa Melayu hari ini sudah menjadi bahasa ilmu pengetahuan tinggi, yang digunakan oleh pusat-pusat pengajian tinggi untuk mengajar

dan mempelajari berbagai bidang ilmu, termasuk sains dan teknologi. Sepuluh atau limabelas tahun dahulu, Bahasa Melayu hanya menjadi alat pelajaran sekolah rendah, khasnya di negeri ini. Dalam lapangan-lapangan lain, Bahasa Melayu memainkan peranan yang rendah dan tidak mustahak.

Jadi alat paling penting yang boleh memajukan sastra Melayu hari ini, ialah Bahasa Melayu sendiri yang sekarang sudah mencapai suatu taraf kemajuan yang tinggi. Kalau kita lihat dari segi kemajuan Bahasa Melayu hari ini, maka kita holehlah mengharapkan bahawa sastra yang tertulis dalam Bahasa Melayu hari ini, tentulah jauh lebih kaya dan lebih tinggi mutunya dari karya-karya sastra yang tertulis sepuluh atau limabelas tahun dahulu, Saya bukanlah seorang sastrawan atau pakar sastra, dan oleh kerana ini saya tidak dapat memberikan ukuran atau penilaian samada sastra Melayu hari ini, khasnya di Malaysia, telah mencapai suatu taraf kemajuan yang tinggi, jauh lebih tinggi dari sastra Melayu pada zaman sebelum

kemerdekaan dahulu. Saya percaya saudara saudaralah orang yang lebih layak untuk menilai kemajuan sastra kita selama ini.

Tetapi saya berpendapat bahwa kekayaan bahasa atau bahasa yang tinggi, belum tentu dapat melahirkan sastra yang tinggi mutunya. Kemajuan sastra banyak sekali bergantung kepada ketinggian dan kematangan fikiran dan intelek pencipta-penciptanya, yaitu para penulis sastra. Nilai sesuatu karya sastra, bukanlah semata-mata terletak pada kecantikan bahasa yang digunakan,

tetapi ialah pada kebolehan luarbiasa penulis untuk memahami dan menganalisa zaman dan masyarakat manusia hari ini dengan sedalam-dalamnya, dan dengan gaya atau bentuk penulisan yang luarbiasa juga. Manusia hari ini sudah mencapai taraf kemajuan intelek dan material yang tinggi. Penulis hari ini

hendaklah mempunyai kesanggupan untuk menghasilkan karya-karya sastra yang menggambarkan kemajuan pikiran dan kemajuan hidup manusia seperti itu.

Apabila saya mengatakan bahawa penulis mestilah sanggup memahami dan menganalisa hidup manusia hari ini dengan mendalam, saya tidaklah mencadangkan supaya penulis itu mesti mempunyai kelulusan-kelulusan akademik yang tinggi. Sebagaimana yang saudara-saudara tahu, banyak penulis yang terkenal dan berjaya di dunia ini, tidak pernah belajar di universiti. William Shakespeare misalnya, tidak pernah pergi ke universiti. Begitu juga misalnya seorang penulis muda British, John Keats yang berumur tidak lebih dari 30 tahun waktu dia meninggal, tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Akan tetapi, penulis-penulis ini mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai manusia; mereka mempunyai daya fikiran dan

perasaan yang kuat, tajam dan matang, hinggakan mereka berjaya melihat apa yang tidak dapat dilihat dan dirasai oleh orang biasa; mereka boleh menganalisa jiwa manusia dengan sedalam-dalamnya, hinggakan karya-karya mereka dipelajari bukan sahaja oleh penuntut-penuntut dan sarjana-sarjana sastra, tetapi juga oleh ahli-ahli ilmu jiwa (psychologists).

Penulis sastra banyak mendapat pelajaran dan pengalaman dari alam sekelilingnya. Mereka ialah ahli fikir dan penganalisa hidup manusia yang luarbiasa. Oleh kerana inilah karya-karya mereka dapat kita anggap bukan sahaja sebagai cermin hidup manusia, tetapi juga sebagai "penyuluh" hidup manusia, kerana karya-karya sastra yang baik dapat pula menggambarkan apa yang berlaku di dalam jiwa seseorang manusia itu. Dari segi inilah saya menganggap sastra boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam kemajuan hidup manusia hari ini.

Sastra bukanlah semata-mata mesti bersifat seni, yang murni yang digunakan untuk melahirkan berbagai "isma" ("ism"), seni yang indah-indah dan abstrak, tetapi juga merupakan suatu realisma (realism) yang lahir dari masyarakat manusia biasa dan alam sekeliling yang nyata, alam yang dapat kita lihat, kita rasa dan kita kaji. Sastra hendaklah digunakan untuk menggambarkan realiti hidup manusia sehari-hari dalam bentuk yang indah dan luarbiasa, Karya-karya sastra boleh memberikan sumbangan yang besar^untuk memajukan fikiran manusia, untuk membuka hati dan fikiran manusia terhadap masalah-masalah yang mereka hadapi sehari-hari, untuk membolehkan manusia melihat kebenaran hidup, dan sebagainya. Tugas ini

sangat penting, terutamanya bagi masyarakat manusia yang sedang membangun seperti masyarakat di Malaysia.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini ialah mengenai pentingnya kajian sastra. Sebagaimana kita tahu sastra Melayu telah menjadi bahan kajian penyelidik-penyelidik dan sarjana-sarjana sastra Melayu sejak beratus tahun dahulu. Pada mulanya sastra Melayu telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik dari Barat, terutama sekali penyelidik-penyelidik Inggeris dan Belanda, kemudian diikuti oleh penyelidik-penyelidik dari Timur, khasnya dari Indonesia dan Malaysia.

Oleh kerana kajian mengenai hasil-hasil sastra ini sangatlah penting di jalankan, dan hasil-hasilnya dibukukan untuk pengetahuan orang ramai. Pada masa sekarang, tidak ada sebuah buku yang lengkap mengenai sejarah kesusasteraan Melayu moden. Buku seperti ini akan merupakan satu dokumen atau rekod perkembangan sastra kita sejak zaman mulanya sastra Melayu moden hingga hari ini, dan sangat berguna, bukan sahaja kepada penuntut-penuntut sekolah dan universiti tetapi juga

Saya rasa usaha mengkaji sastra yang tertulis dalam Bahasa Melayu, terutama sekali sastra sezaman (contemporary literature), hendaklah dipergiatkan lagi. Hasil-hasil sastra Melayu moden semakin hari semakin banyak.

kepada pembaca-pembaca umum. Saya mendapat tahu bahwa Dewan Bahasa dan Pustaka ada mempunyai rancangan untuk mengeluarkan buku sejarah kesusasteraan Melayu moden ini, disamping beberapa projek penyelidikan yang lain. Rancangan seperti ini sangat penting dan saya berharap pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan mempercepatkan rancangan ini. Saya juga berharap pihak universiti-universiti kita akan memberikan perhatian kepada usaha penyelidikan dan kajian sastra ini.

Dengan cara ini, dapatlah kita seimbangkan karya-karya yang kreatif dengan karya-karya yang mengkaji hasil-hasil sastra kreatif itu, secara ilmiah.

Sekianlah, dan dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Seminar Sastra Nusantara ini ditutup.



No Siri	543
No Penerimaan	188 / 80